

TRANSFORMASI SENI PERSEMBAHAN TRADISIONAL MEK MULUNG: PERKEMBANGAN, CABARAN DAN PELUANG DI ALAF BAHARU

*TRANSFORMATION OF THE TRADITIONAL PERFORMING ART OF MEK
MULUNG: DEVELOPMENT, CHALLENGES, AND OPPORTUNITIES IN THE
NEW MILLENNIUM*

Khairul Anuar ZAINUDIN^{*1}

Mohd. Effindi SAMSUDDIN²

¹ Fakulti Filem, Teater dan Animasi, Universiti Teknologi MARA, Puncak Perdana, Malaysia

² Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

¹khairulanuarz@uitm.edu.my.com

²effindi@um.edu.my

Pengarang koresponden*

Dihantar pada: 2 Julai 2025

Submit on: 2 July 2025

Diterima pada: 6 Oktober 2025

Accepted on : 6 October 2025

ABSTRAK

Mek Mulung, sebagai salah satu bentuk teater tradisional yang berasal dari negeri Kedah, merupakan komponen penting dalam warisan seni budaya Malaysia. Namun, dalam menghadapi arus pemodenan dan perubahan cita rasa audiens, seni persembahan ini berdepan cabaran besar untuk mengekalkan relevansi tanpa menjejaskan nilai dan identiti tradisionalnya. Kertas kerja ini membincangkan transformasi seni persembahan Mek Mulung dalam konteks perkembangan, cabaran, dan peluang di alaf baharu. Dari segi perkembangan, analisis meneliti bentuk transformasi yang berlaku dalam aspek koreografi, penggunaan teknologi, dan adaptasi naratif bagi menarik minat generasi muda serta audiens kontemporari. Dalam masa yang sama, perbincangan turut menyoroti usaha pengekalan elemen tradisional seperti struktur persembahan, kostum, alat muzik, dan peranan komuniti tempatan yang menjadi teras kepada keaslian Mek Mulung. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah pemerhatian turut serta, temu bual separa berstruktur bersama penggiat seni, serta analisis dokumen dan visual persembahan. Analisis pergerakan tari dilaksanakan berasaskan teori Struktur Tarian oleh Kaeppler (1999) untuk meneliti motif dan gaya pergerakan dalam konteks kesinambungan tradisi. Hasil kajian menunjukkan bahawa transformasi Mek Mulung bukan sekadar bentuk adaptasi estetika, tetapi strategi pelestarian bagi memastikan kelangsungan seni persembahan ini dalam ekosistem budaya moden. Perbincangan turut menekankan peranan

institusi budaya, komuniti tempatan, dan kerjasama antara sektor kerajaan serta swasta dalam mengukuhkan usaha pemeliharaan dan promosi Mek Mulung di peringkat nasional dan antarabangsa. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa keseimbangan antara transformasi dan pengekalan menjadi kunci utama dalam memastikan Mek Mulung terus hidup, dihargai, dan dipertahankan sebagai warisan budaya bangsa di alaf baharu.

Kata kunci: Mek Mulung, seni persembahan tradisional, transformasi, pengekalan, warisan budaya, pelestarian, alaf baharu

ABSTRACT

Mek Mulung, a traditional theatre form originating from the state of Kedah, stands as an essential component of Malaysia's cultural and artistic heritage. However, in the face of modernization and shifting audience preferences, this traditional performance art faces significant challenges in maintaining its relevance without compromising its authenticity. This paper discusses the transformation of Mek Mulung within the framework of development, challenges, and opportunities in the new millennium. In terms of development, the study explores the transformations that have occurred in choreography, the use of technology, and narrative adaptation as strategies to attract younger generations and contemporary audiences. Simultaneously, the discussion highlights the preservation of traditional elements such as performance structure, costumes, musical instruments, and the role of local communities that form the cultural foundation of Mek Mulung. This research employs a qualitative approach through participant observation, semi-structured interviews with practitioners, and document and visual performance analysis. The movement structure is analyzed using Kaeppler's (1999) Theory of Dance Structure, focusing on movement motifs and stylistic variations in the context of cultural continuity. The findings indicate that the transformation of Mek Mulung represents not merely an aesthetic adaptation, but a strategic act of preservation ensuring the sustainability of this art form within a modern cultural ecosystem. The discussion also emphasizes the roles of cultural institutions, local communities, and collaborations between government and private sectors in strengthening the preservation and promotion of Mek Mulung at both national and international levels. Overall, this study asserts that the balance between transformation and preservation is fundamental to ensuring that Mek Mulung remains vibrant, appreciated, and sustained as a living cultural heritage in the new millennium.

Keywords: Mek Mulung, traditional performing arts, transformation, preservation, cultural heritage, sustainability, new millennium

Pengenalan

Mek Mulung merupakan salah satu bentuk teater tradisional Melayu yang berakar daripada negeri Kedah, khususnya di kawasan Wang Tepus, Jitra. Seni persembahan ini menampilkan gabungan elemen lakonan, tarian, muzik, dan nyanyian yang berpaksikan cerita rakyat serta mitos tempatan. Dari segi sejarah, Mek Mulung dipercayai bermula sebagai bentuk hiburan istana sebelum berkembang menjadi persembahan rakyat yang dipertunjukkan di ruang terbuka kepada masyarakat kampung. Menurut Yousof (2017), Mek Mulung mempunyai hubungan rapat dengan tradisi istana Kedah dan mengandungi unsur ritual, magis, serta nilai simbolik yang mencerminkan pandangan hidup masyarakat Melayu tradisional. Repertoar klasik seperti Putera Cahaya Bulan, Malim Bongsu, Dewa Muda, dan Dewa Kaca menjadi sebahagian daripada naratif yang diwarisi secara lisan dari satu generasi ke generasi seterusnya.

Pada 5 Disember 2023, Mek Mulung telah menerima pengiktirafan antarabangsa apabila disenaraikan oleh UNESCO dalam kategori *List of Intangible Cultural Heritage in Need of Urgent Safeguarding* di Kasane, Republik Botswana (Abdullah, 2023). Pengiktirafan ini menegaskan kedudukannya sebagai salah satu warisan budaya penting Malaysia yang memerlukan perlindungan segera untuk memastikan kelangsungannya. Dalam konteks warisan tidak ketara, usaha pelestarian melibatkan dua dimensi utama iaitu pemeliharaan dan pemuliharaan. Pemeliharaan (*preservation*) merujuk kepada tindakan mengekalkan bentuk, struktur, dan fungsi asal sesuatu tradisi agar tidak berubah, manakala pemuliharaan (*conservation*) pula melibatkan langkah-langkah intervensi bagi menyesuaikan tradisi tersebut dengan konteks semasa tanpa menjejaskan nilai keasliannya (Mohd Yusof, 2018). Gabungan kedua-dua pendekatan ini membentuk asas pelestarian warisan budaya, iaitu proses berterusan yang menyeimbangkan antara kesinambungan tradisi dan keperluan adaptasi dalam menghadapi perubahan zaman.

Dalam konteks seni persembahan tradisional, pelestarian bukan sekadar mengekalkan bentuk fizikal atau ritual persembahan, tetapi juga melibatkan pewarisan pengetahuan, kemahiran, dan nilai budaya kepada generasi baharu. Mek Mulung, sebagai satu bentuk teater yang hidup (*living tradition*), turut mengalami perubahan yang boleh dikategorikan sebagai transformasi, sama ada dalam aspek struktur dramatik, gaya persembahan, mahupun adaptasi terhadap persekitaran sosial dan teknologi semasa. Menurut Kaeppler (1999), transformasi dalam seni tradisional tidak semestinya bermaksud kehilangan keaslian, tetapi merupakan tindak balas budaya terhadap dinamika masyarakat yang sentiasa berubah. Oleh itu, transformasi perlu difahami sebagai satu proses kesinambungan budaya yang membolehkan tradisi terus relevan, bukan sekadar sebagai bentuk inovasi estetika.

Dalam perbincangan budaya kontemporari, istilah alaf baharu pula merujuk kepada tempoh selepas tahun 2000 yang memperlihatkan perkembangan pesat teknologi digital, globalisasi, dan perubahan nilai sosial yang turut memberi kesan kepada bentuk, fungsi, serta penghargaan terhadap seni persembahan tradisional. Dalam konteks ini, Mek Mulung berhadapan dengan cabaran dan peluang baharu antara tuntutan untuk berinovasi serta keperluan mengekalkan keaslian tradisinya. Maka, memahami konsep transformasi dan pelestarian dalam kerangka alaf baharu amat penting bagi menilai bagaimana tradisi ini berkembang, dipertahankan, dan dihidupkan semula dalam ekosistem seni semasa.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam mengenai transformasi dan pengekalan Mek Mulung di alaf baharu. Pendekatan ini melibatkan empat kaedah utama, iaitu temu bual, pemerhatian turut serta, penelitian dokumen, dan analisis visual.

Pertama, temu bual mendalam telah dijalankan dengan beberapa penggiat seni Mek Mulung, termasuk tokoh, pengarah, penari, dan pemuzik yang terlibat secara langsung dalam persembahan ini. Antara individu yang ditemu bual termasuk Man (2018), Debak (2018), Zahari (2018), Hussin (2018), Abdolatip (2023), dan Jamil (2023). Temu bual ini bertujuan untuk memperoleh pandangan mereka mengenai perubahan yang berlaku dalam seni persembahan serta usaha yang dilakukan untuk mengekalkan elemen-elemen tradisional. Di samping itu, temu bual ini juga memberikan perspektif mengenai cabaran yang dihadapi dan strategi yang diambil dalam memastikan relevansi Mek Mulung pada masa kini.

Kedua, pemerhatian turut serta telah dilaksanakan, di mana penulis terlibat secara langsung dalam beberapa persembahan Mek Mulung dari tahun 2016 hingga kini. Penglibatan penulis dalam persembahan teater Mek Mulung termasuklah "Teater Tradisional Mek Mulung Lakhon Dewa Kaca" pada tahun 2022 dan 2023, serta "Teater Tradisional Mek Mulung Lakhon Dewa Muda" dan "Lakhon Malim Bongsu" pada tahun 2023 dan 2024. Melalui pengalaman ini, penulis dapat mengamati dengan lebih dekat setiap aspek persembahan, termasuk pergerakan tari, koreografi, muzik, dan interaksi antara penonton dengan persembahan. Pengalaman pemerhatian ini memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh mengenai pengintegrasian elemen-elemen tradisional dan inovatif dalam Mek Mulung.


Ketiga, penelitian dokumen dilakukan dengan menganalisis pelbagai sumber, seperti skrip persembahan, teks-teks lama, artikel akademik, dan laporan budaya yang berkaitan dengan Mek Mulung. Dokumen-dokumen ini membantu menelusuri sejarah perkembangan Mek Mulung serta perubahan-perubahan yang berlaku sepanjang masa. Penelitian dokumen berdasarkan penulisan (Jamalludin, 2023) yang bertajuk "Mek Mulung: Bangkitnya Warisan Turun-Temurun (*A Heritage Rediscovered*)" dan Zahari (2019) yang bertajuk "Pemuliharaan Mek Mulung Melalui Struktur Persembahan" membolehkan penulis mengenal pasti dan menganalisis elemen-elemen tradisi yang dikekalkan serta yang telah diubah suai.

Akhir sekali, analisis visual dijalankan dengan meneliti rakaman video, persembahan langsung, dan foto-foto berkaitan Mek Mulung. Antara rakaman video yang dikaji adalah "Mek Mulung Part 1: *Culture Kedah Malaysia*" dan "Mek Mulung Part 2: *Culture Kedah Malaysia*" (Aizad, 2011). Selain itu, pemerhatian dan penelitian dilakukan terhadap persembahan langsung seperti "Teater Mek Mulung Putera Cahaya Bulan" (Salleh, 2011), "Teater Mek Mulung Lakhon Dewa Kaca" (Zahari, 2016), dan "Teater Tradisional Mek Mulung Hikayat Puteri Dua Belas Beradik" (Zahari, 2018). Melalui analisis visual ini, aspek pergerakan tari, kostum, set pentas, dan elemen-elemen visual lain dianalisis secara terperinci. Pendekatan ini membolehkan penulis memperoleh pemahaman yang lebih mendalam mengenai cara elemen-elemen tradisional dan kontemporari disepadukan dalam persembahan Mek Mulung.

Keempat-empat kaedah ini digabungkan untuk memberikan gambaran yang komprehensif mengenai transformasi dan pengekalan Mek Mulung, serta bagaimana kedua-dua elemen ini berperanan dalam memastikan kelangsungan seni persembahan tersebut di alaf baharu.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian (lihat Rajah 1) ini memberikan gambaran terperinci mengenai bagaimana Mek Mulung telah mengalami transformasi dalam konteks alaf baharu dan bagaimana elemen tradisionalnya masih dipelihara. Kajian ini mengintegrasikan data daripada temu bual, pemerhatian turut serta, penelitian dokumen, observasi, kaji selidik, dan analisis untuk menyusun dapatan berikut:



(Sumber: Penulis, 2025)

1. Transformasi dalam Mek Mulung

Transformasi dalam seni persembahan Mek Mulung merupakan usaha penting bagi mengekalkan relevansi seni ini dalam konteks moden tanpa mengorbankan elemen-elemen tradisionalnya. Kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa aspek utama dalam Mek Mulung yang mengalami perubahan ketara, termasuk koreografi, struktur persembahan, penggunaan teknologi, serta penyesuaian naratif dan tema. Transformasi ini dilihat sebagai strategi untuk menarik minat generasi muda dan audiens kontemporari, di samping memastikan seni warisan ini terus bernafas dalam era pemodenan. Beberapa kumpulan dan institusi telah memainkan peranan penting dalam melakukan transformasi terhadap persembahan Mek Mulung. Antara pihak yang terlibat secara langsung adalah Petronas Performing Arts Group (PPAG), Persatuan Warisan Seni Budaya Negeri Kedah (AKRAB), Akademi Seni Budaya Dan Warisan (ASWARA), Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Universiti Teknologi MARA (UiTM), serta Sekolah Seni Malaysia Perak. Usaha transformasi oleh pihak-pihak ini bukan sahaja menambah nilai kepada persembahan Mek Mulung, tetapi juga membantu mengekalkan keaslian tradisi sambil mengintegrasikannya dengan elemen-elemen moden.

i. Struktur Persembahan dan Perubahan Koreografi

Melihat kepada peredaran sejarah Mek Mulung, pelbagai perubahan signifikan telah berlaku dalam aspek persembahan, terutamanya apabila dibandingkan dengan versi asal yang berteraskan suasana kampung di Wang Tepus, Kedah. Dalam bentuk tradisionalnya, Mek Mulung berfungsi sebagai hiburan komuniti dan upacara ritual yang berlangsung di ruang terbuka, melibatkan penyertaan aktif penduduk setempat. Namun, dalam konteks kontemporari, wujud peralihan bentuk pementasan daripada suasana kampung kepada versi bandar yang lebih berformat teater muzikal atau persembahan konsert (Jamalludin, 2023). Perubahan ini menandakan berlakunya proses *recontextualization*, iaitu peralihan bentuk dan fungsi persembahan daripada ritual dan sosial kepada bentuk tontonan estetik yang disesuaikan dengan ruang dan audiens moden.

Struktur persembahan dan koreografi Mek Mulung turut mengalami penyesuaian bagi memenuhi keperluan produksi semasa. Menurut Zahari (2020), elemen gerak tari dalam Mek Mulung memainkan peranan penting sebagai penanda dramatik yang menyatukan naratif, muzik, dan nyanyian dalam satu bentuk teater total. Gerakan tari yang pada asalnya bersifat spontan dan tidak terikat pada struktur koreografi tertentu dan lazimnya berpaksikan ekspresi jasmani penari yang mengikut hati. Kini telah mengalami bentuk penataan semula (*choreographic structuring*) dengan kemasukan elemen baharu seperti teknik tarian kontemporari, improvisasi terkawal, dan pola pergerakan berulang. Adaptasi ini memperlihatkan satu bentuk hibridisasi estetika (*aesthetic hybridization*) antara tradisi dan modeniti, yang bukan bertujuan mengubah keaslian bentuk Mek Mulung, tetapi menambah dimensi visual dan dramatik agar sesuai dengan konteks persembahan masa kini.

Perubahan ini tidak wajar dilihat sebagai penghakisan nilai tradisi, sebaliknya sebagai satu bentuk inovasi pelestarian (*preservative innovation*) yang membolehkan Mek Mulung terus berkembang dalam ekosistem seni moden yang semakin kompetitif dan berorientasikan tontonan. Adaptasi terhadap koreografi, struktur dramatik, dan ruang persembahan menjadi strategi penting untuk memastikan kesinambungan bentuk seni ini sebagai warisan budaya yang hidup (*living heritage*) dan relevan di alaf baharu. Dalam hal ini, Mek Mulung membuktikan keupayaannya menyesuaikan diri dengan perubahan sosial tanpa kehilangan roh asal yang menjadi asas kepada identiti budaya Melayu.

Dalam konteks Mek Mulung, gerak tari bukan sekadar elemen estetika, tetapi berperanan sebagai struktur dramatik kedua yang membantu membentuk makna dan aliran persembahan. Kaeppler (1999) menegaskan bahawa setiap bentuk tarian dalam teater tradisional mengandungi dua lapisan struktur, iaitu bentuk lahiriah (*form*) dan makna yang dikandung melalui sistem simbolik (*meaning*). Prinsip ini dapat diaplikasikan dalam Mek Mulung di mana setiap segmen gerak sama ada ketika Buka Panggung, pertembungan watak, atau penutup yang mempunyai fungsi dramatik tersendiri yang memperkukuh naratif dan emosi persembahan. Misalnya, gerakan berulang seperti gerak sembah, gerak dayung, atau gerak limbai bukan sekadar perhiasan koreografi, tetapi merupakan tanda visual yang menghubungkan lapisan

dramatik dengan sistem nilai budaya Melayu seperti hormat, kesetiaan, dan keseimbangan.

Dalam teori *Performance Studies* oleh Schechner (2013), gerak tari dalam teater tradisional dianggap sebagai sebahagian daripada *restored behavior* iaitu tindakan tubuh yang diulang, diwarisi, dan disusun semula dalam konteks baharu. Hal ini bermakna setiap gerak dalam Mek Mulung membawa jejak masa lalu yang dihidupkan kembali dalam situasi persembahan semasa. Proses pengulangan ini menjadikan gerak tari sebagai wadah pelestarian ingatan budaya, di mana tubuh pelaku menjadi arkib hidup kepada tradisi. Dalam persembahan moden, walaupun wujud adaptasi dalam bentuk pola pergerakan dan penggunaan ruang, struktur asas gerak tradisional ini masih dikekalkan sebagai elemen pengenalan kepada gaya persembahan Mek Mulung.

Gerak tari juga berfungsi sebagai penghubung antara naratif lisan dan ekspresi visual, memberikan ritma dramatik kepada pementasan. Setiap pergerakan mempunyai gramatik tubuh yang tersendiri seperti yang diperincikan oleh Kaeppler (2000), bahawa makna tari terbentuk melalui susunan motif pergerakan, ruang, dan irama muzik. Dalam Mek Mulung, gerak tari sering digunakan untuk menandakan peralihan babak, menggambarkan emosi watak, atau menegaskan kehadiran kuasa luar biasa seperti watak dewa dan puteri. Maka, fungsi gerak tari bukan sekadar hiasan persembahan, tetapi menjadi bahagian integral yang menghubungkan struktur dramatik, makna simbolik, dan identiti budaya.

Apabila elemen gerak tradisional ini disusun semula dalam versi moden seperti melalui penataan koreografi baharu, penggunaan ruang prosenium, dan pengaruh tari kontemporari. Ia mencerminkan bentuk transformasi terkawal (*controlled transformation*) yang masih berakar pada struktur asal. Adaptasi ini membuktikan bahawa tubuh penari Mek Mulung bukan sahaja alat persembahan, tetapi juga medium perunding antara tradisi dan modeniti. Melalui gerak tari, kesinambungan budaya dapat dikekalkan dalam bentuk yang masih dapat diterima oleh khalayak alaf baharu tanpa menjejaskan makna simbolik asalnya.

Perubahan ini bukan sahaja bertujuan untuk menarik perhatian generasi muda, tetapi juga untuk memastikan seni persembahan ini dapat terus berkembang dalam landskap seni yang semakin dinamik. Adaptasi ini memainkan peranan penting dalam memastikan kelangsungan Mek Mulung sebagai warisan budaya yang relevan dan signifikan di era moden.

Struktur persembahan Mek Mulung secara tradisionalnya mempunyai susunan dramatik yang tersusun dan berpaksikan bentuk naratif rakyat. Persembahan ini lazimnya dimulakan dengan segmen Buka Panggung, yang berfungsi sebagai pembukaan ritual bagi memanggil semangat persembahan dan menandakan permulaan ruang sakral teater. Bahagian ini diikuti oleh episod naratif utama yang menampilkan konflik, pengembaraan, dan watak-watak seperti Raja, Puteri, dan Awang, sebelum diakhiri dengan segmen Tutup Panggung sebagai penutup yang mengembalikan keseimbangan kepada dunia persembahan.

Secara tradisinya, persembahan Mek Mulung dijalankan dalam bentuk maraton selama tiga hingga empat hari berturut-turut, dengan setiap malam mempersembahkan episod atau babak berbeza dalam rangka cerita yang sama (Yousof, 2017). Amalan ini memperlihatkan fungsi sosial dan ritual Mek Mulung sebagai wadah hiburan, upacara kerohanian, serta interaksi komuniti yang berterusan. Walau bagaimanapun, apabila bentuk persembahan ini dibawa ke ruang moden seperti festival, pentas teater institusi, atau acara rasmi, struktur tersebut lazimnya disesuaikan menjadi versi singkat yang hanya berlangsung antara satu hingga dua jam. Penyesuaian ini bukan semata-mata bertujuan memenuhi keperluan tontonan kontemporari, tetapi lebih kepada usaha penyesuaian kontekstual (*contextual adaptation*) agar bentuk persembahan tradisional dapat dipersembahkan dalam kerangka masa dan ruang moden tanpa menghilangkan elemen penting yang membentuk identitinya.

Jadual 1: Komponen Pengubahsuaian Struktur Persembahan Mek Mulung
(Sumber: Zahari, 2019)

A. PRA PERSEMBAHAN		
1.	Buka Panggung / Buka Bangsal	Bacaan Doa
2.	Bertabuh	Tiada Pengubahsuaian
3.	Bertabik	Lirik Lagu
4.	Tarian Gerak Timpuh	Tiada Pengubahsuaian / Dipendekkan
5.	Tarian Berjalan (Puteri Mabuk, Anak Menora, Gambang, Sendayung)	Tiada Pengubahsuaian / Dipendekkan
6.	Lagu Berjalan (Ke Bilik Ayaq, Ke Pintu Bilik, Makan Pinang)	Tiada Pengubahsuaian
7.	Bangkit Raja / Bangkit Puteri	Tiada Pengubahsuaian
B. PERSEMBAHAN		
8.	Puteri Bangkit Inang / Raja Bangkit Awang	Pengurangan Lagu / Dipendekkan
9.	Tangkap Lakhon (Pecah Cerita)	Tiada Pengubahsuaian
10.	Panggil Pengasuh Kedua	Pengurangan Lagu / Dipendekkan
11.	Konflik	Lakonan Dan Berjalan Menuju Destinasi
12.	Penyelesaian	Lakonan Dan Lagu
C. SELESAI PERSEMBAHAN		
13.	Tarian Kecil Milik	Pengurangan Lagu / Dipendekkan
14.	Lagu Penutup – Tutup Panggung	Bacaan Doa

Perubahan dari bentuk sehari-hari kepada tempoh pementasan yang lebih ringkas ini wajar difahami sebagai satu bentuk pelestarian dinamik, iaitu strategi mengekalkan kesinambungan tradisi melalui penyesuaian terhadap persekitaran semasa. Dalam konteks teori kajian persembahan, fenomena ini selari dengan pandangan Schechner (2013) bahawa setiap bentuk teater tradisional yang dipindahkan ke konteks baharu akan melalui proses *restoration of behavior* iaitu pengulangan bentuk asal dengan penyesuaian mengikut ruang, masa, dan fungsi. Maka, perubahan durasi bukan sekadar bentuk pemendekan, tetapi cerminan cara Mek Mulung terus hidup, difahami, dan diapresiasi dalam landskap budaya moden tanpa kehilangan nilai asalnya.

Zahari (2019) mengemukakan bahawa terdapat beberapa aspek dalam struktur persembahan Mek Mulung yang boleh diubah suai mengikut kesesuaian bagi

memelihara keberkesanan dan integriti seni tersebut. Pengubahsuaian ini melibatkan penyesuaian komponen-komponen dalam struktur persembahan (lihat Jadual 1), yang dilakukan berdasarkan keperluan dan tujuan persembahan yang ditetapkan. Proses penyesuaian ini mungkin melibatkan pengenalan bentuk penyampaian yang baru atau pemendekan bahagian tertentu, tanpa mengabaikan elemen-elemen penting yang menjadi teras dalam penyampaian mesej dan makna persembahan.

Di samping itu, elemen visual dan dramatik baharu turut diperkenalkan untuk memperkayakan pengalaman penonton tanpa mengorbankan identiti asas persembahan Mek Mulung. Elemen-elemen ini bertujuan untuk meningkatkan daya tarikan persembahan melalui kesan visual yang lebih dramatik, namun dalam sesetengah kes, penambahan ini dilihat berpotensi untuk mengaburi intipati asal persembahan.

Salah satu aspek yang menjadi perhatian adalah penggunaan kesan visual dan dramatik yang melibatkan pencahayaan pentas dan set pementasan, sistem pembesar suara yang lebih canggih, serta peralatan pementasan dan kostum yang lebih mewah. Penglibatan lebih ramai ahli persembahan dan pemuzik juga diperkenalkan untuk memberi kesan yang lebih mendalam kepada audiens. Pada masa yang sama, penekanan yang lebih besar terhadap komponen cerita juga diutamakan, dengan tujuan untuk menarik perhatian penonton dan mengekalkan keterlibatan mereka sepanjang persembahan (Jamalludin, 2023).

ii. Penyesuaian Naratif dan Tema

Terdapat Peredaran zaman telah membawa kepada pelbagai pendekatan baharu dalam penyesuaian naratif dan tema persembahan Mek Mulung, selari dengan usaha pelestarian agar ia kekal relevan kepada audiens hari ini. Adaptasi sebegini tidak mengubah struktur tradisional secara mutlak, tetapi memperkenalkan naratif alternatif, tema kontemporari, dan tafsiran semula watak yang mencerminkan perubahan sosial semasa. Seperti yang diperincikan oleh Jamalludin (2023), pendekatan ini menunjukkan bagaimana inovasi dapat berfungsi sebagai strategi pelestarian yang mengekalkan identiti tradisi sambil menyesuaikannya dengan citarasa audiens moden.

Dalam versi asal Mek Mulung, naratifnya berpaksikan mitos dan legenda dengan elemen moral serta spiritual yang kuat. Contohnya, kisah seperti Dewa Muda menonjolkan perjalanan seorang pahlawan yang mencari asal usulnya, berteraskan nilai kesetiaan, kasih sayang dan keteguhan hati. Namun begitu, dalam versi moden, sebahagian naratif ini telah diolah semula untuk menonjolkan tema kemanusiaan sejagat, identiti diri dan konflik sosial yang lebih dekat dengan realiti kontemporari. Sebagai contoh, dalam beberapa produksi terkini, watak Dewa Muda ditafsirkan sebagai lambang perjuangan generasi muda menentang tekanan moden dan krisis identiti dalam dunia globalisasi. Perubahan seperti ini bukan sekadar penyegaran naratif, tetapi mencerminkan reinterpretasi simbolik terhadap mesej asal Mek Mulung daripada kisah mitos kepada metafora sosial kontemporari.

Pada tahun 2010, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara mempersembahkan tarian kreatif Gerak Timpuh dalam program Inspitari, yang diilhamkan daripada motif pergerakan dan muzik Mek Mulung. Persembahan ini tidak menceritakan semula kisah

tradisional tertentu, tetapi mengekstrak unsur simbolik seperti gerak timpuh dan menstrukturkannya semula dalam gaya koreografi moden iaitu sebuah pendekatan dekontruksi naratif, di mana elemen naratif dipecahkan kepada bahasa tubuh dan ruang gerak, sekali gus membuka tafsiran baharu terhadap warisan tradisional.

Siri televisyen *Mai Cek Mai* (RTM, 2012) pula memperlihatkan bagaimana Mek Mulung boleh diolah dalam bentuk popular. Watak Awang, yang asalnya berfungsi sebagai pelawak dan pengkritik sosial dalam struktur tradisional, telah diberi konteks baharu yang berinteraksi dengan dunia moden 10denti mengekalkan gaya bahasa, kostum, dan intonasi asalnya. Pendekatan ini mencerminkan proses komodifikasi budaya, di mana elemen tradisional dimasukkan dalam medium hiburan moden bagi memperluas jangkauan khalayak tanpa menghapuskan 10dentity warisan.

Eksperimen kreatif oleh Zahari (2015; 2017) dalam produksi *Jalan Primadona* (2015) dan *Section by Stesen* (2017) menunjukkan transformasi yang lebih mendalam terhadap naratif Mek Mulung. Elemen-elemen gerak tari dan struktur persembahan Mek Mulung telah diadaptasi dalam produksi ini, di mana skrip watak-watak daripada Mek Mulung digunakan sebagai sebahagian daripada naratif. Selain itu, lagu-lagu tradisional Mek Mulung turut dan sekali gus memberikan nuansa tradisi yang menyatu dengan inovasi moden dalam produksi tersebut (Jamalludin, 2023).

Pendekatan pelestarian naratif turut diteruskan melalui teater muzikal *Puteri Darah Putih*, yang dipentaskan pada 20 dan 21 September 2025 di Petaling Jaya Performing Arts Centre (PJPAC). Pementasan ini menandakan satu bentuk kesinambungan kreatif antara tradisi dan modeniti, dengan menggabungkan struktur dramatik Mek Mulung, termasuk segmen *Buka Panggung*, *Bertabik*, dan *Gerak Timpuh* yang masih di dalam kerangka teater muzikal moden. Naratif *Puteri Darah Putih* diolah berdasarkan mitos utara yang menampilkan unsur kesaktian dan konflik kuasa, tetapi diinterpretasi semula sebagai alegori perjuangan wanita dan legitimasi kuasa dalam konteks kontemporari. Pementasan ini mengekalkan gaya vokal, kostum dan muzik tradisional, sambil memperkenalkan elemen teater moden seperti pencahayaan dramatik, harmoni vokal berlapis, dan penggunaan naratif sinematik. Dengan demikian, *Puteri Darah Putih* menjadi contoh nyata pelestarian naratif tradisi melalui inovasi bentuk persembahan yang memperkukuh kedudukan Mek Mulung sebagai warisan yang hidup dan berdaya adaptasi dalam konteks abad ke-21.

Kajian menunjukkan bahawa versi urban atau “konsert” Mek Mulung terus mendapat pendedahan tinggi dan populariti di kalangan audiens bandar. Menurut Jamalludin (2019), versi urban Mek Mulung memperoleh sambutan yang semakin meningkat di kalangan audiens bandar, walaupun terdapat kekurangan pemahaman tentang asal usul tradisi tersebut. Sebagai contoh, dalam kajian soal selidik terhadap penonton persembahan Mek Mulung di kawasan bandar, responden menyatakan minat tinggi terhadap format yang ringkas dan produksi dengan elemen visual moden yang menunjukkan penerimaan positif terhadap inovasi persembahan budaya.

Namun begitu, pengamal tradisi di kampung asal seperti Wang Tepus masih memberi penekanan kepada keaslian cerita dan bentuk asal sebagai lambang kesinambungan

identiti warisan (Jamalludin, 2019). Keadaan ini menggambarkan ketegangan antara tradisi dan inovasi yang menurut Schechner (2013) merupakan ciri semula jadi dalam proses pelestarian seni persembahan tradisional. Justeru, transformasi naratif dalam Mek Mulung tidak wajar dilihat sebagai penghakisan nilai, tetapi sebagai satu bentuk evolusi budaya yang membolehkan tradisi terus bernafas dalam konteks alaf baharu.

iii. Penggunaan Teknologi

Penggunaan teknologi moden merupakan elemen penting dalam proses transformasi Mek Mulung, terutamanya apabila persembahan dipentaskan di atas pentas berbanding di bangsal tradisional di Wang Tepus. Di Wang Tepus, Mek Mulung lazimnya dipersembahkan di bangsal keturunan yang terletak di kawasan terbuka atas tanah, dengan struktur bangsal berbumbung yang disokong oleh empat tiang. Ini sesuai dengan tradisi persembahan yang telah diwarisi secara turun-temurun (Jamalludin 2023). Sebaliknya, dalam konteks persembahan Mek Mulung alaf baharu di pentas moden yang bersifat lebih komersial, penggunaan teknologi seperti pencahayaan digital, sistem bunyi canggih, dan elemen multimedia telah diterapkan untuk menyesuaikan seni persembahan ini dengan keperluan audiens kontemporari.

Sebagai contoh, persembahan Mek Mulung oleh pelajar Pusat Seni Pentas Tradisional (PuTRA) di ASWARA pada tahun 2022 telah menggunakan elemen multimedia, seperti penggunaan teknologi pencahayaan dan paparan visual, bagi meningkatkan daya tarikan persembahan (Zahari, 2022). Penerapan teknologi-teknologi ini bertujuan untuk memperkukuh pengalaman visual dan audio persembahan, menjadikannya lebih memikat bagi audiens masa kini, khususnya generasi muda yang lebih cenderung kepada persekitaran hiburan yang sarat dengan teknologi.

Semasa pandemik COVID-19, seni persembahan tradisional Mek Mulung turut terkesan oleh penularan wabak ini, yang mengakibatkan pelbagai cabaran dalam meneruskan pementasan secara fizikal. Walau bagaimanapun, dalam usaha menyesuaikan diri dengan situasi pandemik, Zamzurina Zahari telah mengambil inisiatif untuk mempersembahkan Mek Mulung secara dalam talian pada Ogos 2021. Beliau menerima geran daripada CENDANA (*Cultural Economy Development Agency*) bagi merealisasikan projek tersebut. Projek ini melibatkan dua elemen utama, iaitu satu persembahan pendek dan sebuah dokumentari pendek mengenai Mek Mulung. Kedua-dua karya ini telah dipersembahkan dalam tayangan perdana secara dalam talian melalui platform *Facebook* (Jamalludin, 2023).

Inisiatif ini bukan sahaja memperlihatkan adaptasi seni persembahan tradisional kepada teknologi moden, tetapi juga membuka ruang kepada Mek Mulung untuk terus dihayati oleh audiens dalam keadaan terhad akibat pandemik. Persembahan dalam talian ini mencerminkan kemampuan Mek Mulung untuk kekal relevan dan dinikmati walaupun dalam situasi yang mencabar, sambil mengekalkan elemen-elemen tradisional yang menjadi asas kepada seni persembahan ini.

Walaupun teknologi telah membawa kesan positif dalam meningkatkan kualiti dan daya tarik persembahan, terdapat kebimbangan dalam kalangan penggiat seni mengenai potensi kehilangan keaslian tradisional. Penyelidikan mendapati bahawa penggiat seni berusaha untuk mengekalkan keseimbangan, di mana penggunaan teknologi tidak

dibenarkan menggantikan elemen-elemen penting yang menjadi teras kepada identiti seni Mek Mulung.

2. Pengekalan Elemen Tradisional

Pengekalan elemen tradisional dalam seni persembahan Mek Mulung merupakan aspek penting yang memastikan keaslian dan identiti budaya ini terus terpelihara. Terdapat beberapa elemen utama yang masih dikekalkan dalam persembahan Mek Mulung, termasuk kostum, alat muzik, struktur persembahan, dan peranan komuniti.

i. Elemen Kostum dan Alat Muzik

Kostum merupakan salah satu elemen penting dalam seni persembahan Mek Mulung yang berkait rapat dengan identiti dan ciri-ciri watak yang dipersembahkan. Busana serta aksesori tradisional yang digunakan masih kekal dipelihara sehingga kini, mencerminkan usaha berterusan dalam memastikan kelestarian warisan budaya Mek Mulung. Melalui kostum yang tepat, watak-watak halus, mulia, dan terhormat dapat dibezakan dengan jelas daripada watak-watak biasa, kasar, atau lucu. Hal ini memberikan dimensi visual yang signifikan dalam membezakan watak-watak utama dan sekunder.

Namun demikian, persembahan Mek Mulung di Wang Tepus bukanlah sebuah seni persembahan yang bersifat elit atau mewah, seperti yang terdapat dalam bentuk hiburan lainnya. Sebaliknya, ia menampilkan kesederhanaan dari segi pakaian dan peralatan yang digunakan (Rahman, 2011). Tiada busana yang terlalu mewah atau sarat dengan perhiasan dipakai oleh para pelakon Wang Tepus dalam persembahan ini. Sebahagian besar daripada mereka hanya mengenakan pakaian harian yang biasa, kecuali bagi watak-watak utama seperti Raja dan Puteri, yang mengenakan kostum yang lebih istimewa dan sesuai dengan kedudukan mereka dalam naratif persembahan (Jamalludin, 2023). Pendekatan ini menekankan kesederhanaan dalam penggunaan kostum, yang seiring dengan konteks budaya masyarakat tempatan, sambil memastikan unsur keaslian yang diwarisi dalam seni Mek Mulung terus dipelihara.

Kajian mendapati bahawa elemen kostum memainkan peranan yang signifikan dalam memelihara identiti budaya Mek Mulung. Penampilan autentik melalui kostum bukan sahaja menonjolkan keindahan seni busana tradisional, tetapi juga berfungsi sebagai cerminan nilai-nilai budaya yang diwarisi secara turun-temurun. Setiap kostum yang digunakan dalam persembahan Mek Mulung berperanan sebagai simbol budaya yang memperkukuh statusnya sebagai salah satu warisan budaya tidak ketara Malaysia. Dengan demikian, kostum bukan sahaja menjadi aspek estetik semata-mata, tetapi turut berperanan penting dalam memperkukuhkan keaslian dan nilai budaya yang terkandung dalam Mek Mulung. Ensembel muzik Mek Mulung Wang Tepus mengandungi beberapa jenis peralatan muzik yang digunakan dalam persembahan. Peralatan digunakan dalam persembahan di Wang Tepus lazimnya adalah jenis idiofon, membronofon dan aerofon. Jenis Idiofon yang digunakan adalah peralatan muzik yang mengeluarkan bunyi dan bergetar daripada pukulan seperti gong dan kecerek. Jenis membronofon adalah peralatan muzik yang mengeluarkan muzik melalui kulit atau selaput yang bergetar apabila dipalu seperti gendang atau rebana, dan jenis

aerofon adalah peralatan muzik yang mengeluarkan bunyi melalui getaran udara apabila ditiup seperti serunai (Jamalludin, 2023).

Alat muzik tradisional seperti gendang, serunai, gong dan kecerek kekal digunakan dalam setiap persembahan sebagai elemen utama dalam struktur muzik Mek Mulung (Hussin, 2018). Walaupun terdapat penambahan instrumen moden yang bertujuan memperkaya susunan muzik, alat muzik tradisional masih menjadi komponen asas dalam pembinaan bunyi yang autentik. Kehadiran instrumen-instrumen ini bukan sahaja memperkukuhkan elemen warisan dalam persembahan, tetapi juga menawarkan pengalaman yang lebih mendalam dan signifikan kepada audiens. Elemen muzik tradisional ini membuktikan usaha berterusan dalam mengekalkan keaslian budaya Mek Mulung di tengah arus perubahan dan pemodenan.

ii. Struktur Persembahan dan Ritual

Struktur asas persembahan Mek Mulung, khususnya dalam segmen Wang Tepus, masih terpelihara dengan baik hingga ke hari ini. Fasa pra-pembukaan dalam persembahan Mek Mulung melibatkan pelbagai ritual tradisional yang bertujuan untuk memohon restu daripada nenek moyang. Ritual ini dianggap penting dalam memastikan kelancaran dan keselamatan ahli kumpulan sepanjang pementasan. Selain itu, ia juga berfungsi sebagai cara untuk menghormati tradisi dan menjaga hubungan spiritual antara penggiat seni dan roh-roh leluhur yang diyakini memelihara keselamatan mereka (Jamalludin, 2023).

Namun, ritual ini bukan sekadar satu tontonan untuk keseronokan, tetapi lebih kepada menunjukkan rasa hormat kepada roh nenek moyang yang menjadi pewaris Mek Mulung. Takrifan ritual ini menunjukkan bahawa ia merupakan aspek yang signifikan dan perlu diambil perhatian dalam konteks persembahan rakyat (Rahman, 2011). Dengan demikian, penghayatan terhadap ritual ini adalah penting untuk memahami kedalaman dan makna yang terdapat dalam seni persembahan Mek Mulung.

Ritual merupakan elemen yang sangat penting dalam persembahan Mek Mulung di Wang Tepus. Amalan ritual ini tidak boleh dilaksanakan secara terasing daripada elemen-elemen lain seperti tarian, muzik, bertabuh, bertabik, dan lakonan yang berlangsung pada peringkat awal persembahan. Ritual ini harus diadakan secara berurutan dengan persembahan awal, terutama jika ia diadakan dalam konteks upacara sebenar di bangsal keturunan. Adalah dianggap satu kesalahan jika salah satu daripada kedua-dua peringkat persembahan ini ditiadakan, kerana tindakan sedemikian berpotensi menimbulkan masalah dan bencana kepada penggiat seni yang mengabaikan dan mengambil mudah tatacara persembahan (Rahman, 2011).

Upacara pra-pembukaan ini biasanya melibatkan penyediaan barang-barang persembahan seperti makanan, kemenyan, dan bahan-bahan ritual lain yang disusun mengikut adat resam turun-temurun (Man, 2018). Ritual ini lazimnya diketuai oleh ketua kumpulan dan dilaksanakan di kediamannya, menandakan

persediaan rohani dan fizikal sebelum persembahan berlangsung. Setelah ritual disempurnakan, ketua kumpulan akan memberi isyarat kepada ahli kumpulan bahawa pementasan sudah sedia untuk dimulakan.

Setelah menerima isyarat tersebut, para pelakon akan mula bergerak ke ruang persembahan dengan penuh tertib, bersiap sedia untuk memulakan pementasan yang didahului oleh elemen-elemen pembukaan tradisional. Proses ini bukan sahaja berfungsi sebagai persediaan fizikal tetapi juga sebagai langkah spiritual yang memperkukuhkan hubungan antara dunia nyata dan dunia rohani, di mana keberkatan dan keselamatan dipohon bagi kejayaan persembahan.

Kajian mendapati bahawa struktur ini merupakan elemen penting yang sangat dihargai dan dilestarikan oleh pewaris serta pengamal Mek Mulung di Wang Tepus. Keberadaan struktur persembahan yang jelas dan tersusun dalam bentuk asalnya membolehkan penonton merasai keunikan serta mendalami makna ritual yang sarat dengan simbolik dan nilai budaya. Struktur yang tetap ini bukan sahaja mengekalkan keaslian persembahan, malah turut memainkan peranan penting dalam memastikan penonton dapat merasakan impak estetika dan emosi yang mendalam melalui setiap segmen yang dipersembahkan.

Selain itu, peranan komuniti dalam penyampaian dan pelaksanaan Mek Mulung turut dipertahankan dengan teguh. Penglibatan anggota masyarakat tempatan dalam pelbagai aspek persembahan, termasuk sebagai pelakon dan penyokong, menegaskan nilai kolektivisme yang menjadi tunjang seni persembahan ini. Keterlibatan komuniti bukan sahaja membantu dalam memelihara tradisi Mek Mulung, tetapi juga memperkukuhkan hubungan sosial dalam kalangan masyarakat setempat. Mek Mulung seterusnya berfungsi sebagai satu acara budaya yang inklusif, melibatkan seluruh komuniti dalam usaha bersama mengekalkan dan memartabatkan warisan budaya yang bernilai tinggi.

3. Cabaran dan Peluang

Dalam usaha memastikan kelangsungan Mek Mulung sebagai salah satu warisan seni persembahan tradisional Malaysia, terdapat pelbagai cabaran dan peluang yang perlu dihadapi. Mek Mulung kini berada di persimpangan antara pemodenan dan pengekalan tradisi, di mana penggiat seni perlu mencari keseimbangan yang sesuai untuk memastikan ia kekal relevan di mata generasi kini, tanpa mengorbankan nilai-nilai tradisionalnya. Dalam konteks ini, kajian ini akan mengenal pasti cabaran-cabaran utama yang menghalang perkembangan Mek Mulung serta peluang-peluang yang boleh dimanfaatkan untuk memperkukuhkan kedudukannya di peringkat nasional dan antarabangsa.

i. Cabaran Pemodenan

Salah satu cabaran utama yang dikenal pasti dalam pemodenan Mek Mulung adalah risiko kehilangan identiti tradisional yang unik. Terdapat kebimbangan bahawa penambahan elemen-elemen baru dalam persembahan mungkin akan mengubah esensi asli seni ini, menjadikannya kurang relevan dengan warisan yang

ingin dipertahankan. Hal ini menyebabkan penggiat seni dan komuniti berusaha untuk menyeimbangkan antara inovasi dan pemeliharaan nilai-nilai tradisional. Di samping itu, keterlibatan generasi muda menjadi satu lagi cabaran signifikan. Walaupun terdapat pelbagai inisiatif untuk menarik perhatian mereka, kajian menunjukkan bahawa masih terdapat halangan dalam memastikan generasi muda tetap terlibat dengan Mek Mulung. Kekurangan minat dan pemahaman yang mendalam mengenai seni ini sering kali menyebabkan mereka beralih kepada bentuk hiburan lain yang lebih moden, yang mungkin tidak selari dengan nilai-nilai budaya yang ingin dipelihara.

ii. Peluang untuk Pembangunan

Namun, di sebalik cabaran tersebut, terdapat peluang yang cerah untuk pembangunan Mek Mulung. Salah satu peluang yang perlu diteroka adalah melalui pendidikan dan latihan. Program-program pendidikan yang menekankan sejarah, teknik, dan nilai seni Mek Mulung dapat meningkatkan pemahaman serta penghargaan masyarakat terhadap seni ini. Dengan memberi penekanan kepada aspek pendidikan, generasi baru dapat memahami kepentingan dan keindahan Mek Mulung, sekali gus menyemai rasa bangga terhadap warisan budaya mereka. Selain itu, promosi yang lebih baik dan kolaborasi dengan institusi budaya, sektor swasta, dan media massa berpotensi untuk meningkatkan kesedaran serta minat terhadap Mek Mulung di peringkat nasional dan antarabangsa. Inisiatif ini dapat memperluas jangkauan seni ini, menarik lebih banyak penonton dan penggiat seni, serta mewujudkan platform bagi pertukaran budaya yang lebih luas. Dengan demikian, Mek Mulung tidak hanya akan terus relevan, tetapi juga dapat berkembang dengan lebih berdaya saing dalam konteks seni persembahan global.

Perbincangan

Perbincangan ini akan mengaitkan transformasi dan pengekalan dalam seni persembahan Mek Mulung dengan teori yang digunakan dalam kajian ini, khususnya Teori Struktur Tarian oleh Adrienne L. Kaeppler, Teori Tradisi oleh Edward Shils, dan Teori Persembahan oleh Richard Schechner.

Teori Struktur Tarian oleh Kaeppler memberikan kerangka untuk menganalisis perubahan dalam struktur persembahan dan koreografi Mek Mulung. Melalui pendekatan ini, transformasi pergerakan tari dapat dilihat dari dua perspektif iaitu struktur horizontal dan vertikal (Kaeppler, 2007). Struktur horizontal merujuk kepada interaksi dan pengedaran pergerakan di antara penari dalam kumpulan, sementara struktur vertikal memberi tumpuan kepada aspek individu dalam gerakan. Dalam konteks Mek Mulung, perubahan dalam koreografi menunjukkan bagaimana elemen-elemen baru diperkenalkan untuk memenuhi selera penonton kontemporari. Misalnya, penggiat seni mungkin menambah pergerakan yang lebih dinamik dan kreatif, yang tidak hanya mengekalkan tradisi tetapi juga memberikan elemen inovasi tanpa mengorbankan nilai-nilai tradisional.

Di samping itu, Teori Tradisi oleh Edward Shils menawarkan perspektif penting dalam memahami proses pengekalan elemen-elemen tradisional dalam Mek Mulung. Shils menekankan bahawa tradisi adalah sesuatu yang hidup dan berkembang, dan bukan sekadar benda yang statik (Shils, 1981). Dalam konteks Mek Mulung, pengekalan tradisi bukan sahaja melibatkan pengulangan bentuk-bentuk seni yang lama tetapi juga bagaimana elemen-

elemen tersebut disesuaikan dengan konteks semasa. Oleh itu, dalam usaha untuk mengekalkan tradisi, penggiat seni haruslah sensitif terhadap perubahan sosial dan budaya yang berlaku dalam masyarakat. Ini membolehkan Mek Mulung tidak hanya menjadi satu bentuk hiburan, tetapi juga sebuah refleksi identiti dan nilai-nilai masyarakat yang terus berkembang. Dalam kajian ini, teori ini digunakan untuk memahami proses pengekalan elemen-elemen tradisional dalam Mek Mulung, sambil menekankan perlunya adaptasi agar seni ini dapat terus relevan.

Teori Persembahan oleh Richard Schechner pula memberikan pandangan mendalam tentang fungsi persembahan dalam masyarakat. Schechner berpendapat bahawa persembahan bukan sekadar satu aktiviti hiburan, tetapi ia juga berfungsi sebagai medium untuk menyampaikan makna dan mengukuhkan nilai-nilai budaya (Schechner, 2013). Dalam konteks Mek Mulung, persembahan berfungsi untuk menyampaikan cerita-cerita rakyat dan nilai-nilai tradisional yang penting kepada masyarakat. Oleh itu, walaupun terdapat perubahan dan inovasi dalam bentuk dan penyampaian, intipati cerita dan nilai-nilai yang terkandung dalam Mek Mulung tetap perlu dijaga untuk memastikan ia terus relevan dan dihargai. Dalam kajian ini, teori ini digunakan untuk meneroka bagaimana Mek Mulung berfungsi sebagai platform untuk menyampaikan cerita-cerita rakyat dan nilai-nilai masyarakat, serta bagaimana perubahan dalam persembahan dapat mempengaruhi pemahaman masyarakat terhadap budaya mereka sendiri.

Keseimbangan antara transformasi dan pengekalan dalam Mek Mulung menunjukkan bahawa seni persembahan ini tidak boleh dipisahkan daripada konteks budaya dan sosialnya. Kolaborasi antara penggiat seni, institusi budaya, dan masyarakat adalah penting dalam memastikan kedua-dua aspek ini dapat digabungkan dengan berkesan. Sokongan daripada pihak kerajaan dan institusi pendidikan juga memainkan peranan yang tidak kurang penting dalam memperkukuh kedudukan Mek Mulung sebagai warisan budaya yang bernilai.

Dengan menggunakan teori-teori ini sebagai panduan, kajian ini memberikan gambaran yang lebih holistik tentang cabaran dan peluang yang dihadapi oleh Mek Mulung di alaf baharu. Pengintegrasian elemen-elemen inovatif sambil tetap memelihara tradisi menunjukkan bahawa Mek Mulung dapat terus hidup dan berkembang, sekali gus menjadi simbol kekayaan warisan budaya Malaysia. Melalui pendekatan yang seimbang ini, Mek Mulung berpotensi untuk menjadi jambatan yang menghubungkan generasi lalu, kini, dan akan datang.

Kesimpulan dan Cadangan

Mek Mulung, sebagai salah satu bentuk seni persembahan tradisional yang kaya dengan nilai budaya, menghadapi pelbagai cabaran dalam konteks pemodenan dan perubahan selera audiens di alaf baharu. Melalui kajian ini, dapat disimpulkan bahawa transformasi dan pengekalan adalah dua elemen yang saling melengkapi dalam memastikan Mek Mulung terus relevan dan dihargai. Transformasi dalam aspek koreografi, penggunaan teknologi, dan penyesuaian naratif adalah penting untuk menarik minat generasi muda. Walau bagaimanapun, pengekalan elemen-elemen tradisional seperti kostum, alat muzik, dan struktur persembahan juga tidak boleh diabaikan, kerana ia merupakan identiti dan keaslian seni ini.

Masa depan Mek Mulung bergantung kepada keseimbangan yang harmonis antara inovasi dan pemeliharaan tradisi. Kajian ini mencadangkan bahawa usaha berterusan perlu diambil bagi memastikan seni ini terus relevan dan menarik minat generasi muda tanpa mengabaikan akar budaya yang menjadi identitinya. Transformasi yang dilakukan dalam

aspek koreografi, penggunaan teknologi, dan penyesuaian naratif harus dipandu oleh nilai-nilai tradisional yang telah lama wujud dalam seni persembahan ini. Dengan demikian, Mek Mulung dapat mengadaptasi keperluan dan selera audiens kontemporari sambil tetap menghargai dan memelihara warisan budaya yang diwarisi.

Di samping itu, sokongan berterusan daripada pelbagai pihak, termasuk kerajaan, institusi budaya, dan masyarakat, adalah penting untuk memastikan Mek Mulung kekal sebagai warisan budaya yang bernilai. Kerjasama ini dapat membantu dalam memperluaskan ruang persembahan, menyediakan platform untuk penggiat seni, serta menggalakkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan pemeliharaan seni tradisional. Dengan adanya sokongan ini, Mek Mulung bukan sahaja dapat dipelihara sebagai satu bentuk seni yang kaya dengan nilai sejarah, tetapi juga dapat dinikmati oleh generasi akan datang sebagai satu manifestasi identiti budaya Malaysia yang unik.

Berdasarkan penemuan kajian, beberapa cadangan dapat diketengahkan untuk memperkukuhkan kelangsungan Mek Mulung di alaf baharu:

1. Peningkatan Pendidikan dan Latihan

Peningkatan pendidikan dan latihan merupakan langkah penting dalam memastikan kelangsungan seni persembahan Mek Mulung. Pertama, program pendidikan yang lebih menyeluruh harus diperkenalkan di institusi pendidikan untuk mendidik generasi muda mengenai sejarah dan nilai Mek Mulung. Ini termasuklah penyediaan modul-modul khas yang menekankan teknik-teknik tradisional serta nilai budaya yang terkandung dalam seni persembahan ini. Pendidikan yang komprehensif perlu dibangunkan bagi menekankan sejarah, teknik, dan nilai Mek Mulung kepada generasi muda. Melalui inisiatif ini, kesedaran dan penghargaan terhadap seni tradisional ini dapat dipupuk, sekali gus memastikan warisan budaya ini tidak dilupakan.

Di samping itu, penyediaan latihan praktikal yang berfokus kepada teknik-teknik tradisional dan penyesuaian moden adalah perlu bagi pengamal seni. Latihan ini harus dirancang dengan teliti untuk memastikan peserta mempunyai pemahaman yang mendalam tentang elemen-elemen tradisional Mek Mulung, serta mampu mengadaptasi teknik tersebut ke dalam konteks yang lebih kontemporari. Dengan pendekatan ini, pengamal seni bukan sahaja dapat mempertahankan keaslian Mek Mulung, tetapi juga berinovasi dalam memperkembangkan seni persembahan ini untuk memenuhi tuntutan audiens masa kini.

2. Keseimbangan Penggunaan Teknologi

Dalam usaha untuk mengekalkan keseimbangan antara transformasi dan pengekalan dalam Mek Mulung, adalah penting untuk menggariskan panduan yang jelas mengenai penggunaan teknologi dalam persembahan ini. Panduan ini bertujuan untuk memastikan bahawa teknologi yang digunakan dapat menyokong elemen-elemen tradisional tanpa mengubah atau menggantikan keaslian seni ini. Penggunaan teknologi harus dilaksanakan dengan penuh pertimbangan, di mana alat-alat moden seperti audio, pencahayaan, dan visual diintegrasikan secara harmonis dengan elemen-elemen tradisional seperti muzik dan tarian. Ini bagi memastikan bahawa teknologi berfungsi sebagai alat untuk memperkaya pengalaman persembahan, tanpa mengorbankan nilai-nilai budaya yang mendasari Mek Mulung.

Di samping itu, melaksanakan ulasan berkala tentang penggunaan teknologi dalam persembahan adalah langkah penting untuk menilai impaknya terhadap identiti

Mek Mulung. Ulasan ini boleh membantu dalam mengenal pasti sama ada teknologi yang diterapkan telah mengubah secara signifikan sifat dan identiti seni persembahan ini. Dengan pendekatan yang sistematik, penganalisisan terhadap penggunaan teknologi akan membolehkan penggiat seni untuk menyesuaikan pendekatan mereka dengan lebih baik, memastikan bahawa inovasi yang diperkenalkan tidak menjejaskan elemen-elemen tradisional yang menjadi teras Mek Mulung. Melalui pengawasan dan penilaian berterusan, diharapkan Mek Mulung dapat terus berkembang sebagai satu bentuk seni yang relevan dan dihargai, tanpa kehilangan akar budaya yang mendasarinya.

3. Pengembangan dan Promosi

Pengembangan dan promosi Mek Mulung memerlukan pendekatan yang strategik melalui kolaborasi dengan pelbagai pihak. Salah satu langkah penting adalah membina kolaborasi dengan institusi budaya, sektor swasta, dan media massa. Kerjasama ini dapat meningkatkan visibiliti Mek Mulung dan memperkenalkan seni persembahan ini kepada khalayak yang lebih luas. Penganjuran festival, pameran, dan persembahan di peringkat nasional dan antarabangsa merupakan inisiatif yang efektif untuk mempromosikan Mek Mulung. Dengan mengadakan acara-acara seperti ini, seni tradisional ini dapat menarik minat generasi muda serta membangkitkan kesedaran tentang kepentingan memelihara warisan budaya.

Selain itu, sokongan dana adalah elemen penting dalam usaha pemeliharaan dan pengembangan Mek Mulung. Mencari dana daripada badan-badan kerajaan dan swasta untuk projek-projek berkaitan adalah langkah yang perlu dilaksanakan. Sokongan ini boleh digunakan untuk pelbagai inisiatif, termasuk latihan bagi penggiat seni, pementasan di pelbagai lokasi, dan dokumentasi persembahan. Melalui sokongan dana yang mencukupi, Mek Mulung dapat terus berkembang dan beradaptasi dengan perubahan zaman tanpa mengorbankan nilai-nilai tradisional yang terkandung di dalamnya. Oleh itu, strategi pengembangan dan promosi yang bersepadu ini diharapkan dapat memastikan kelangsungan dan relevansi Mek Mulung sebagai salah satu warisan budaya Malaysia.

4. Penilaian dan Penyelidikan Berterusan

Penilaian kesan terhadap Mek Mulung perlu dilaksanakan secara berkala bagi mengukur impak perubahan yang diterapkan terhadap identiti dan penerimaan penonton. Penilaian ini bertujuan untuk memahami bagaimana transformasi dalam seni persembahan ini mempengaruhi persepsi audiens serta menilai keberkesanan strategi yang digunakan dalam pemeliharaan dan transformasi Mek Mulung. Dengan melakukan penilaian yang sistematik, pihak penggiat seni dapat mengenal pasti elemen-elemen yang berjaya dan yang memerlukan penambahbaikan, sekali gus menyesuaikan pendekatan yang sesuai untuk menjaga keseimbangan antara inovasi dan tradisi.

Selanjutnya, penyelidikan lanjutan dalam bidang Mek Mulung perlu disokong untuk mendalami aspek-aspek yang lebih luas, termasuk kajian mengenai perubahan sosial dan budaya yang memberi kesan kepada perkembangan seni ini. Penyelidikan ini dapat mencakupi pelbagai dimensi, seperti kesan globalisasi, perubahan dalam nilai dan norma masyarakat, serta perkembangan terkini dalam teknik dan persembahan yang berkaitan dengan Mek Mulung. Dengan ini, hasil penyelidikan dapat memberikan pandangan yang lebih mendalam dan komprehensif tentang cabaran yang dihadapi

oleh Mek Mulung, sekali gus menawarkan cadangan dan solusi yang relevan untuk kelangsungan seni ini di masa hadapan.

5. Keterlibatan Komuniti

Penglibatan komuniti merupakan aspek penting dalam memastikan kelangsungan dan relevansi Mek Mulung dalam masyarakat. Keterlibatan aktif daripada komuniti tempatan dalam pelbagai aspek seni persembahan ini adalah perlu bagi menjaga dan memelihara warisan budaya yang telah diwarisi. Ini termasuk penyertaan dalam persembahan, di mana anggota komuniti tidak hanya sebagai penonton, tetapi juga sebagai pelaku yang terlibat secara langsung.

Latihan yang melibatkan masyarakat setempat juga memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan penglibatan ini. Program-program latihan yang diadakan memberi peluang kepada individu untuk belajar dan menghayati elemen-elemen tradisional dalam Mek Mulung, sekali gus meningkatkan kesedaran dan minat generasi muda terhadap seni ini. Aktiviti-aktiviti berkaitan seperti bengkel, seminar, dan pementasan yang melibatkan komuniti bukan sahaja memupuk semangat kebersamaan, tetapi juga menggalakkan pemindahan pengetahuan dan kemahiran antara generasi.

Dengan penglibatan yang aktif, Mek Mulung dapat dipelihara dan diperbaharui mengikut keperluan dan kehendak masyarakat, memastikan seni ini terus relevan dan dihargai dalam konteks semasa. Oleh itu, penglibatan komuniti bukan sahaja memberi makna kepada seni persembahan ini, tetapi juga mengukuhkan ikatan sosial dan identiti budaya yang terdapat dalam kalangan masyarakat setempat.

Akhir sekali, kolaborasi antara sektor kerajaan dan swasta, bersama dengan penglibatan komuniti, adalah penting dalam mempromosikan dan memelihara Mek Mulung. Inisiatif seperti festival seni dan program kesedaran budaya dapat membantu menonjolkan keunikan seni persembahan ini kepada masyarakat secara lebih meluas. Dengan mengikuti cadangan-cadangan ini, diharapkan Mek Mulung akan terus berkembang di alaf baharu tanpa mengorbankan nilai-nilai tradisional yang telah menjadi asas kepada seni persembahan ini. Usaha berterusan dalam bidang pendidikan, promosi, dan pemeliharaan merupakan kunci untuk memastikan kelangsungan Mek Mulung serta relevansinya untuk generasi akan datang.

Penglibatan pelbagai pihak, termasuk institusi pendidikan, komuniti, dan sektor swasta, adalah penting dalam mendukung inisiatif ini. Melalui program-program pendidikan dan latihan, penggiat seni muda dapat dididik mengenai keunikan dan warisan Mek Mulung, sekali gus memperkukuh minat mereka untuk terlibat dalam seni ini. Di samping itu, promosi yang berkesan melalui platform digital dan acara kebudayaan dapat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan dan keindahan Mek Mulung.

Secara keseluruhan, Mek Mulung di alaf baharu dilihat sebagai jambatan yang menghubungkan warisan masa lalu dengan aspirasi masa depan. Dengan usaha kolektif dalam transformasi dan pekekalan, seni persembahan ini berpotensi untuk terus dihargai dan dipertahankan sebagai salah satu khazanah budaya yang bernilai tinggi.

Rujukan

Abdulatip, M. N. (2023, 06 23). Persembahan Mek Mulung PPAG. (Zainudin, K.A, Interviewer)

- Abdullah, J. (2023, Disember 13). Daripada Wang Tepus ke UNESCO, Tokoh Mek Mulung Luah Kegembiraan. Kuala Lumpur, Malaysia: Utusan Malaysia.
- Aizad, E. (2011, 7 31). *Mek Mulung Part 1: Culture Kedah Malaysia*. Retrieved from Youtube: <https://www.youtube.com/watch?v=Wa8S21ZUyS8>
- Debak, K. (2018, 08 16). Persembahan Mek Mulung Wang Tepus. (Zainudin, K.A, Interviewer)
- Hussin, K. B. (2018, 08 16). Struktur Persembahan Muzik Mek Mulung. (Zainudin, K.A, Interviewer)
- Jamalludin, N. I. (2019). *The Origin, Evolution and Future of Mek Mulung* [Master's thesis, King's College London]. King's College London Research Portal. [https://kclpure.kcl.ac.uk/portal/en/theses/the-origin-evolution-and-future-of-mek-mulung\(8576d332-1164-4138-bb2a-d1315f0613f5\).html](https://kclpure.kcl.ac.uk/portal/en/theses/the-origin-evolution-and-future-of-mek-mulung(8576d332-1164-4138-bb2a-d1315f0613f5).html)
- Jamalludin, N. I. (2023). *Mek Mulung Bangkitnya Warisan Turun-temurun: A Heritage Rediscovered*. Kuala Lumpur: JKKN.
- Jamalludin, N. I. (2023). *Transformasi Persembahan Mek Mulung di Era Moden: Analisis Bentuk dan Fungsi*. Universiti Teknologi MARA.
- Jamil, S. S. (2023, 09 28). Persembahan Mek Mulung Kedah. (Zainudin, K.A, Interviewer)
- Kaeppler, A. L. (1999). "The Mystique of Dance: Cultural Transmission and Change." *Yearbook for Traditional Music*, 31, 1–10.
- Kaeppler, A. L. (1999). *The mystique of fieldwork. Dance Research Journal*, 31(2), 5–11. <https://doi.org/10.2307/1478312>
- Kaeppler, A. L. (2007). *Dance Structure: Perspectives on The Analysis of Human Movement*. Hungarian: Akademiai Kiado Budapest
- Man, I. (18 12, 2021). Persembahan Mek Mulung Wang Tepus. (Zainudin, K.A, Interviewer)
- Mohd Yusof, M. (2018). Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan Dan Agensi Pelaksana Di Malaysia. *Jurnal Melayu Bil. 17(2) 2018*, 143-159.
- Rahman, M. L. A. (2011). Mek Mulung: Antara Persembahan dan Ritual Perubatan di Malaysia. *Sosiohumanika*, 97-102.
- Salleh, E. (2011, 12 17). *Teater Mek Mulung Cahaya Bulan*. (P. P. Group, Performer) Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Schechner, R. (2013). *Performance Studies: An Introduction Third Edition*. New York: Routledge.
- Shils, E. (1981). *Tradition*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Yusof, G. S. (2017). *Traditional theatre in Malaysia: A study of the Malay forms*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zahari, Z. (2016, 12 22). *Teater Tradisional Mek Mulung Lakhon Dewa Kaca*. (U. Malaya, Performer) Panggung Eksperimen Univerisiti Malaya, Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Malaysia.
- Zahari, Z. (2018, 08 16). Struktur Persembahan Mek Mulung. (Z. Khairul Anuar, Interviewer)
- Zahari, Z. (2018, 10 18). *Teater Tradisional Mek Mulung "Hikayat Puteri 12 Beradik"*. (D. D. Company, Performer) Dewan Tunku Abdul Rahman (MaTIC), Kuala Lumpur, Malaysia.
- Zahari, Z. (2019). *Pemuliharaan Mek Mulung Melalui Struktur Persembahan*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zahari, Z. (2020). Persembahan Tradisional Mek Mulung Di Malaysia: Perubahan Struktur Persembahan. *Jurnal Melayu Sedunia*, 100-121.
- Zahari, Z. (2022, 10 29). *Teater Tradisional Mek Mulung Lakhon Dewa Kaca*. (P. ASWARA, Performer) Dewan Okestra ASWARA, Kuala Lumpur, Malaysia.

- Zahari, Z. (2022, 7 2). *Teater Tradisional Mek Mulung Lakhon Dewa Kaca*. (P. ASWARA, Performer) Dewan Tunku Abdul Rahman MaTIC, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Zahari, Z. (2023, 7 21). *Teater Tradisional Mek Mulung Lakhon Dewa Kaca*. (UPSI, Performer) UPSI, Perak, Malaysia.
- Zahari, Z. (2024, 8 30). *Teater Tradisional Mek Mulung Lakhon Dewa Kaca*. (B. Generation, Performer) Roof Top Sunway University, Sunway, Selangor, Malaysia
- Zainudin, K. A. (2023, 8 4). *Teater Tradisional Mek Mulung Lakhon Dewa Muda*. (UiTM, Performer) Ruang Eksperimental FiTA UiTM, Shah Alam, Selangor, Malaysia.
- Zainudin, K. A. (2024, 7 26). *Teater Tradisional Mek Mulung Lakhon Malim Bongsu*. (UiTM, Performer) Ruang Eksperimental FiTA UiTM, Shah Alam, Selangor, Malaysia.